



**TAWARAN KEMASUKAN PELAJAR-PELAJAR BAHARU KOMPLEKS DARUL KIFAYAH
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
SESI 2020/2021**

Kompleks Darul Kifayah di bawah naungan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan merupakan pusat penempatan sementara yang menyediakan kemudahan pendidikan dan asrama kepada anak-anak yatim piatu / yatim, anak-anak keluarga miskin / anak-anak saudara baru di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sehubungan itu, Kompleks Darul Kifayah mempelawa dan menawarkan kepada mereka yang berkecenderungan bagi kemasukan baru sesi pengambilan tahun 2020/2021.

KELAYAKAN UMUM

Pemohon adalah dari kalangan anak-anak yatim / anak-anak keluarga miskin / anak-anak saudara baru yang berumur di antara 11 tahun hingga 17 tahun untuk mengisi kekosongan di Asrama Kompleks Darul Kifayah.

SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

1. Warganegara Malaysia.
2. Beragama Islam.
3. Berusia di antara 11 tahun hingga 17 tahun pada tahun 2020.
4. Sihat tubuh badan, mental dan fizikal.
5. Anak-anak yatim / anak-anak keluarga miskin / anak-anak saudara baru.
6. Masih bersekolah dan mempunyai pendidikan akademik yang baik.
7. Mempunyai tingkah laku dan akhlak yang baik.
8. Tidak mempunyai rekod jenayah / salahlaku akhlak.

CARA MEMOHON

Borang permohonan boleh dimuat turun.

Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan seperti alamat yang tertera di atas beserta dengan salinan dokumen yang berikut ;

1. **Satu salinan sijil kelahiran / kad pengenalan pemohonan Ibu / Bapa / Penjaga**
2. **Satu salinan sijil kematian ibu/ bapa atau sijil perceraian atau Pengislaman**
3. **Satu salinan keputusan peperiksaan terkini pertengahan tahun**
4. **Satu salinan sijil peperiksaan UPSR / UPSRA / UPKK / PMR**
5. **Satu salinan slip gaji ibu / bapa / penjaga.**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN / PENEMPATAN ADALAH TERHAD : Dibuka sepanjang tahun

MAKLUMAT LANJUT

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai kemasukan ini, boleh diemelkan ke alamat:
pro@maiwp.gov.my